

MAHATHIR NAFI PAKSA RAKYAT BUAT IKRAR

KUALA LUMPUR 13 Feb. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menafikan dakwaan sesetengah pihak yang mengatakan kerajaan memaksa rakyat membuat ikrar taat setia kepada pucuk pimpinan kerajaan sekarang ekoran masalah yang dihadapi oleh UMNO.

Perdana Menteri berkata, acara-acara ikrar yang diadakan oleh berbagai pihak bukan kerana paksaan.

"Saya percaya, ikrar yang dibuat adalah secara ikhlas dan tidak ada unsur paksaan kerana dalam keadaan sekarang ini kerajaan memerlukan sokongan untuk menjaga keamanan negara," katanya di perjumpaan dengan 40 orang wakil pekebun kecil di Jabatan Perdana Menteri di sini tengah hari ini.

Menurut Perdana Menteri, mereka yang melafazkan ikrar taat setia itu bukan saja terdiri dari anggota UMNO tetapi juga berbagai pertubuhan terutama yang mewakili masyarakat Melayu.

"Orang Melayu merasa terancam kerana UMNO telah diharamkan, inilah sebabnya ramai yang bukan ahli UMNO turut berikrar taat setia kepada kerajaan dan ikrar-ikrar itu amat saya hargai," katanya lagi.

Sebelum itu, 40 orang yang mewakili 500,000 pekebun kecil yang diketuai oleh Haji Ahmad Mansor telah berikrar taat setia kepada pimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad dan timbalannya Encik Ghafar Baba.

Mereka yakin pucuk pimpinan kerajaan sekarang dapat menyelesaikan masalah demi kepentingan

orang-orang Melayu khususnya pekebun - pekebun kecil. Hadir sama di majlis itu ialah Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Wilayah Datuk Khalid Yunus. Sebelum dari itu, 18 orang penghulu dan penggawa yang mewakili kira-kira 660 orang penghulu dan penggawa di Semenanjung turut berikrar menyokong kepimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir dan Encik Ghafar Baba.

Mereka berikrar di hadapan Encik Ghafar di Jabatan Perdana Menteri di sini diketuai oleh Yang Dipertua Kesatuan Penghulu dan Penggawa Semenanjung Malaysia, Haji Majid Baba.

Haji Majid yang bercakap kepada para pemberita kemudiannya, yakin bahawa pucuk pimpinan sekarang sahaja yang boleh menyelesaikan masalah dan para penghulu dan penggawa sedia memberi maklumat sebenar kepada masyarakat mengenai keadaan yang berlaku sekarang.

"Kami memberi sokongan penuh kepada pucuk pimpinan sekarang untuk melihat perpaduan orang Melayu berjalan baik demi kepentingan bangsa dan agama serta disegani oleh orang lain," katanya.

Hadir sama di majlis ikrar di hadapan Encik Ghafar itu ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Yusof Noor dan Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Megat Junid Megat Ayub.

Mereka juga berbincang mengenai beberapa perkara berhubung kenaikan taraf penghulu dan penggawa dengan Datuk Dr. Yusof.